

## BAB II

### LANDASAN TEORI

#### 2.1. PERTUMBUHAN KERAJAAN MELAYU DELI

Kerajaan Deli adalah salah satu di antara kerajaan Islam yang pernah berdiri di daerah Sumatera Timur. Kerajaan ini mempunyai sejarah yang panjang dan mempunyai hubungan yang erat dengan kerajaan Haru yang telah memerintah di wilayah ini sekitar tahun 800 Masihi. Kehancuran kerajaan Haru dalam serangan yang dilancarkan oleh kerajaan Aceh sekitar abad ke 17 adalah sebagai faktor yang penting bagi berdirinya Melayu Deli. Sebelum penulis membahaskan lebih jauh lagi mengenai kerajaan Deli, terlebih dahulu penulis menjelaskan tentang kerajaan Haru.

##### 2.1.1. Kerajaan Haru

Kerajaan Haru dijangka telah berdiri di daerah pesisir Timur Sumatera sekitar tahun 800 M.<sup>89</sup> Bermula dari satu kumpulan kecil golongan Melayu Muda yang bercampur-baur dengan golongan Melayu Purba. Hasil dari percampuran dua golongan ini maka akhirnya, ia menjadi satu ikatan yang kuat, sehingga golongan ini lama-kelamaan mendirikan sebuah kerajaan mereka sendiri.

---

<sup>89</sup> Admansyah (t.t), *Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatear Timur*, op. cit, h. 17

Menurut ahli sejarah, kerajaan Haru pertama sekali berdiri di daerah Besitang Sumatera Utara. Kerajaan Haru adalah sebuah kerajaan yang berumur panjang, dimana kerajaan ini sudah berdiri dan dikenali sejak zaman sebelum kedatangan Islam ke wilayah Nusantara. Kerajaan ini terkenal di kalangan saudagar asing yang menjalankan perniagaan di wilayah Nusantara.

Pada mulanya kerajaan ini hanya merupakan daerah kecil sahaja, tetapi lama-kelamaan ia semakin luas sehingga menjadi sebuah kerajaan yang besar dan kuat. Untuk mengukuhkan keamanan negerinya kerajaan Haru mengadakan hubungan dengan kerajaan Sriwijaya, kerana Kerajaan Sriwijaya adalah merupakan sebuah keajaan yang kuat dan berkuasa di bahagian Selatan Sumatera.

Sekitar tahun 1024 M,<sup>90</sup> Kerajaan Sriwijaya telah menguasai seluruh perairan Selat Melaka. Seluruh kapal yang singgah di perairan tersebut wajib membayar pajak kepada Sriwijaya. tetapi peraturan ini tidak disenangi oleh Cola Dewa, raja Kerajaan Cola Mandala. Akhirnya beliau ingin menguasai Selat Melaka dan merebut kekuasaan perdagangan di perairan tersebut. Akibatnya terjadilah peperangan yang dahsyat antara dua kuasa tersebut, sehingga kedudukan Haru ikut menjadi lemah.

Dalam peristiwa pelancaran “Expedisi Pamalayu” ke Sumatera oleh raja Kertanegara dari Kerajaan Singosari di Jawa Timur pada tahun 1292 M, Kerajaan Haru tidak terlepas dari sasarannya kerana Haru adalah merupakan salah satu

---

<sup>90</sup> Ibid

Kerajaan penting di daerah tersebut, tetapi akhirnya Haru dapat melepaskan diri dari *ekspedisi* tersebut dan kembali menjadikan daerahnya sebagai perhubungan dengan daerah luar.<sup>91</sup>

Pada tahun 1350 M, pencerobohan terhadap Haru berulang lagi apabila kerajaan Majapahit di pulau Jawa cuba menyerang daerah tersebut. Serangan ini dilakukan Majapahit adalah sebagai benteng terhadap keruntuhan *Hinduisme* akibat pengaruh Islam yang sudah berakar umbi di dalam kerajaan-kerajaan Melayu pada ketika itu.<sup>92</sup>

Selepas kejatuhan Kerajaan Majapahit pada abad ke-15, Kerajaan Haru kembali bangkit membina kejayaannya, tetapi dalam kebangkitan itu Haru masih terlibat dalam perperangan sama ada dengan Melaka mahupun dengan Pasai di Aceh. Dalam perperangan dengan Aceh, Haru berusaha untuk melepaskan diri dengan memohon bantuan Portugis dan Johor. Dalam tahun 1539 M, Aceh masih terus melancarkan serangannya terhadap Haru, sehingga akhirnya kerajaan ini benar-benar tewas di bawah penguasaan Aceh.<sup>93</sup>

Setelah Kerajaan Aceh berjaya merebut kemenangan dari Haru, maka sultan Aceh ingin memikat ratu Haru pula, akan tetapi keinginan sultan Aceh

---

<sup>91</sup> Zakariya Ahmad (t.t), *Sekitar Kerajaan Aceh; Dalam Tahun 1520-1675M*, Medan: Penerbit Jl. Pandu, h. 65

<sup>92</sup> *Ibid*

<sup>93</sup> *Ibid*

tersebut ditolak oleh ratu Haru dan akhirnya baginda mlarikan diri ke negeri Johor. Oleh kerana usaha *integrasi* dengan cara perkahwinan telah gagal dilakukan, maka Sultan ‘Alaudin Riayat Syah menempatkan anaknya Raja Abdullah sebagai raja muda kerajaan Haru dan digelar sebagai Sultan Ghori atau Sultan Haru.<sup>94</sup>

Bagi Aceh, kerajaan Haru adalah sangat penting, untuk mnjadi penghubung bagi memperluaskan daerahnya sampai ke Siak dan Tanah Batak. Selain itu, Aceh juga telah menjadikan Haru sebagai pangkalan untuk menyerang Melaka, kerana ia terletak bertentangan dengan Selat Melaka. Sebaliknya, musuh-musuh kerajaan Aceh seperti Johor, Portugis dan Batak pula selalu menggunakan Haru sebagai kaki tangan dan alat untuk menyerang Aceh.

Beberapa tahun lamanya Haru menentang secara besar-besaran terhadap penguasaan Aceh yang semakin kukuh di negeri itu. Keterlibatan Haru yang terus menerus dalam perang ini membuat kerajaan ini menjadi lemah. Akhirnya, pada awal abad ke-17 M, nama Haru sudah mulai hilang akibat kekalahan teruk yang dialaminya dalam pertempuran yang berterusan untuk melawan Aceh.<sup>95</sup> Dari bekas kerajaan Haru tersebut telah muncul pula sebuah kerajaan baru yang dikenali sebagai kerajaan Melayu Deli.

---

<sup>94</sup> Nuru'd-din Arraniri, *Bustanu's-Salatin*, Bab II, Fasal.13, Disusun Oleh DR. T.Iskandar (1966), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 32

<sup>95</sup> Lah Husny (t.t), *Lintasan Sejarah Peradaban Suku-Suku Di Sumatera*, op. cit, h. 55

Dalam perjalanan sejarahnya yang panjang, pusat pemerintahan Haru telah mengalami beberapa kali perpindahan, dari satu negeri ke negeri yang lain. Hal ini disebabkan kerana sistem pemerintahannya yang berbentuk *konfederasi*, iaitu penggabungan antara beberapa kerajaan yang hampir sama seperti sistem kerajaan Malaysia sekarang. Setiap kerajaan adalah merupakan sebuah negari yang diperintah oleh rajanya sendiri. Sementara kedudukan pusatnya adalah pada kedudukan raja yang paling tua di antara seluruh raja-raja.<sup>96</sup> Wilayah pemerintahan raja yang tua ini bertindak sebagai pentadbiran persekutuan.

Pusat-pusat pemerintahan tersebut adalah seperti berikut:<sup>97</sup>

1. Pusat pemerintahan pertama, di kampung Sikandar (Besitang-Langkat) dari tahun 800-1024 M.
2. Pusat pemerintahan yang kedua, terletak di kampong Kota Batu Gohor Lama dekat Sungai Wampu tahun 1024-1200 M.
3. Pusat pemerintahan yang ketiga, di Deli Tua sekitar 17 KM dari kota Medan, dikenali dengan Haru Deli Tua 1200-1608 M.
4. Pusat pemerintahan yang kempat, di Barumun (Tapanuli Selatan) 1608-1683 M.
5. Pusat pemerintahan yang kelima, iaitu yang terakhir pula terletak di daerah Silau (Simalungun) 1683 M.

---

<sup>96</sup> Admansyah (t.t), *Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur*, op. cit. h.21

<sup>97</sup> Tengku Admansyah (t.t), *Peranan Budaya Melayu Sebagai Sub KulturKebudayaan Basional*, Medan: Yayasan Karya Budaya Nasional, h. 38

Keseluruhan dari kedudukan raja-raja tersebut dikenali sebagai “Pandewa Lima.” Gelaran ini serupa artinya dengan “Merga Silima” pada suku Karo di daerah pendalaman Sumatera Utara. Setelah pemegang gelaran ini meninggal dunia maka, kedudukan Pandewa Lima pindah kepada raja yang paling tua di antara raja-raja yang ada. Bagi seseorang raja yang memegang jawatan ini biasanya dibekali dengan sebilah keris panjang yang diperbuat daripada emas dan sebuah meriam lela yang diberi nama Balun Aru.<sup>98</sup>

Pada mulanya, di Sumatera Timur telah berdiri tiga buah kerajaan Haru, iaitu Haru Besitang tahun (800-1024), kerajaan Haru Wampu tahun (1024-1200) dan kerajaan Deli Tua tahun (1200-1608) atau dikenali juga sebagai Balun Haru.

<sup>99</sup> Sebenarnya kerajaan Haru telah lenyap selepas kekalahan Haru Deli Tua kepada Aceh, dimana keris dan meriam lela sebagai lambang kebesaran Haru telah dirampas oleh kerajaan Aceh, namun secara diam-diam tanpa kebesaran ini pusat Haru Barumun terus memerintah dan kemudian diteruskan oleh Haru Silau.<sup>100</sup>

Pada zaman pemerintahan Haru Barumun dan Haru Silau, kedudukan Haru adalah sangat lemah, bahkan sudah berada diambang kejatuhan. Oleh kerana itu ada pendapat yang mengatakan bahawa pemerintahan Haru hanya berlangsung selama kurang lebih 800 tahun sahaja, iaitu dari tahun 800 M sampai tahun 1608

---

<sup>98</sup> *Ibid*

<sup>99</sup> Admansyah (t.t), *Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur*, op. cit. h. 136

<sup>100</sup> *Ibid*

M.<sup>101</sup> Berdasarkan pendapat ini dapat diambil satu kesimpulan bahawa semasa dua pemerintahan terakhir ini sebahagian wilayah Haru telahpun dikuasai kerajaan Aceh, manakala di salah satu daerahnya pula telah diperintah oleh, sebuah kerajaan baru, iaitu kerajaan Deli.

Pada masa kegemilangannya Haru, sangat dikenali oleh para pengembara luar, kerana setiap kali mereka mengadakan pelayaran ke Aceh, mereka akan singgah juga di bandar-bandar Haru. Keterangan ini di muatkankan dalam kitab “Lontara” yang dibuat sebagai rumusan penyusunan undang-undang hukum dagang dan hukum pelayaran yang disusun dalam Kongres Antar Matoa, pimpinan Amanna Gappa untuk kepentingan Bugis.<sup>102</sup>

Selain itu, tulisan daripada pengembara China menerangkan, bahawa negerinya pernah mengadakan hubungan dengan negeri Haru di Sumatera yang mana ketika itu negeri Haru diperintah oleh seorang sultan yang bernama So-Lo-Tan Hu-Sing (Sultan Husin).<sup>103</sup> Menurut keterangan di atas, jelaslah bahawa terdapat unsur-unsur pengaruh Islam terhadap sistem pemerintahan kerajaan Haru, iaitu dengan mengamalkan *institusi* kesultanan di dalam pemerintahannya.

---

<sup>101</sup> Admansyah (t.t), *Peranan Budaya Melayu Sebagai Sub Kultur Kebudayaan Nasional*, op. cit, h. 38

<sup>102</sup> Timbul Sir. (1980), op. cit, h.33

<sup>103</sup> Meuraxa (1973), *Sejarah Suku-Suku Di Sumatera Utara*, op. cit, h. 90

Sebelum agama Islam masuk ke daerah ini, masyarakat Haru menganut fahaman *Animisme*, kemudian beralih pula kepada agama Islam. Oleh sebab itu, pemerintahan Haru sebenarnya telah melalui dua zaman, iaitu zaman *Animisme* dan zaman Islam. Zaman *Animisme* dikatakan bermula sejak wujudnya kerajaan Haru Besitang sehingga zaman pemerinahan Haru Wampu. Zaman Islam pula bermula sejak Haru Deli Tua.<sup>104</sup> Ada pendapat yang mengatakan bahawa, agama Islam masuk ke daerah ini adalah dari Sumatera Barat yang dibawa oleh seorang ulama yang bernama Amarullah, bukan dari Aceh.

### **2.1.2. Kerajaan Melayu Deli**

Setelah kerajaan Haru dapat di hancurkan oleh Aceh sekitar kurun ke-17, Aceh telah melantik seorang panglima perangnya yang bernama Gocah Pahlawan sebagai wakil sultan Aceh yang berkuasa penuh di daerah tersebut. Di mana akhirnya *konflik* telah terjadi di antara Gocah Pahlawan dengan kerajaan Aceh, maka beliau mendirikan sebuah kerajaan yang baru dengan nama kerajaan Deli.<sup>105</sup> Nama ini beliau ambil adalah sebagai ingatan terhadap tempat asal keturunan beliau, iaitu Deli Akbar di India.<sup>106</sup>

---

<sup>104</sup> Admansyah (t.t), *Peranan Budaya Melayu Sebagai Sub Kultur Kebudayaan Nasional*, op.cit, h. 68

<sup>105</sup> *Ibid*, h. 136

<sup>106</sup> Lah Husny (t.t), *Lintasan Sejarah Suku-Suku Sumatera Timur*, op. cit, h. 36

Sebenarnya Gocah Pahlawan adalah anak dari seorang keturunan raja Islam dari Hindustan Deli Akbar yang konon ceritanya telah terdampar di perairan kerajaan Pasai di Aceh, kerana kapal yang dinaikinya karam di daerah Selat Melaka sekitar tahun 1580 M. Anak Hindustan yang terdampar tersebut adalah bernama Muhammad Derikan, beliau dibawa oleh wali negeri Pasai menghadap kepada Sultan ‘Alauddin Mansyur Syah yang memerintah Aceh antara 1579-1586 M.<sup>107</sup>

Pada zaman ini situasi negeri Pasai di Aceh kurang aman akibat gangguan daripada sekumpulan lanun, iaitu hulubalang bangsa Rom dan Turki yang mengadakan rusuhan dan rompakan dekat Bandar Darussalam. Gangguan ini tidak dapat dipulihkankan oleh rakyat Aceh sendiri tanpa adanya bantuan pihak lain, kerana hulubalang Rom dan Turki sangat terkenal dengan kekuatan dan ketangkasannya. Oleh kerana itu mereka dapat menguasai perairan tersebut secara berluasa.<sup>108</sup>

Setelah mendapat arahan dari sultan, maka Muhammad Derikan mencuba pula untuk menghapuskan para lanun tersebut. Dengan keilmuannya yang tinggi, akhirnya Muhammad Derikan dapat menghancurkan kumpulan lanun tersebut dalam masa tujuh Jumaat dengan mempersembahkannya kepada sultan satu persatu pada setiap hari Jumaat.

---

<sup>107</sup> *Ibid*, h. 27

<sup>108</sup> *Ibid*

Oleh kerana jasanya yang besar terhadap keamanan negeri Aceh, maka Sultan Mansyur Syah melantiknya pula sebagai panglima dengan gelaran Panglima Lebai Hitam sebagai balasan keatas jasanya terhadap Kerajaan Aceh. Istilah gelaran ini diambil kerana ketaatan beliau dalam menunaikan hukum-hukum Islam.<sup>109</sup>

Untuk memperkuuh ikatan antara sultan Aceh dengan Panglima Lebai Hitam, maka beliau dikahwinkan dengan seorang kerabat diraja, iaitu seorang puteri dari negeri Pasai. Hasil dari perkahwinan tersebut, maka lahirlah seorang anak lelaki yang diberi nama Gocah Pahlawan 1590 M.<sup>110</sup> Gocah Pahlawan adalah seorang panglima Aceh yang terkenal, beliau dilantik menjadi panglima Aceh setelah kematian ayahandanya, iaitu Panglima Lebai Hitam.

Pada tahun 1585 M, ketika terjadinya perebutan kuasa oleh Raja Buyung dari tangan Sutan Mansyur Syah, juga di dalam *tragedi* berdarah ini Raja Buyung berjaya merampas kekuasaan dari Sultan Mansyur Syah dan akhirnya bergelar Sultan Ali Ri'ayat Syah. Sultan Mansyur Syah bersama panglima Lebai Hitam terpaksa berundur dari Pasai ke Haru dan menjadi Wali Negeri di sana. Akhirnya sekitar 12 Januari 1585, Sultan Mansyur Syah terbunuh sekembalinya baginda dari lawatan ke Pereulak.<sup>111</sup> Ada pula pendapat yang mengatakan bahawa Sultan Mansyur Syah wafat bersamaan dengan Lebai Hitam pada tahun 1591 M.<sup>112</sup>

---

<sup>109</sup> *Ibid*

<sup>110</sup> *Ibid*, h. 28

Sultan Mansyur Syah ada meninggalkan seorang putera bernama Iskandar Muda yang akan menjadi sultan kelak selepas kemangkatan Sultan Ali Ri'ayat Syah, sementara Panglima Lebai Hitam juga meninggalkan puteranya Gocah Pahlawan. Sejak kecil Gocah Pahlawan adalah merupakan sahabat setia kepada Iskandar Muda dan setelah dewasa mereka bersama-sama menuntut ilmu dunia dan akhirat. Hal ini menjadikan hubungan mereka semakin erat dan akrab sebagaimana hubungan kedua orang tua mereka dahulu.<sup>113</sup>

Setelah wafat Sultan Aceh Ali Ri'yat Syah sekitar tahun 1606 M,<sup>114</sup> maka Sultan Iskandar Muda pula naik takhta dengan gelaran Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Sementara itu, sahabat beliau Gocah Pahlawan diangkat pula menjadi panglima perang sultan serta dilantik menjadi wakil Aceh untuk bekas wilayah Haru dan diberi gelar Tuanku Sri Paduka Gocah Pahlawan Laksamana Kuda Bintan. Penempatan panglima Aceh di bekas wilayah ini selain untuk memperkuatkan kekuasaan Aceh dan mengatur pemerintahan menjadi jajahan Aceh, ia juga bertujuan untuk mengembangkan misi-misi berikut:

- a. Mengikis habis-habisan sisa-sisa pengaruh Barat (Portugis), sehingga patuh kepada pemerintahan Aceh.

---

<sup>111</sup> Zakariya Ahmad (t.t), *op. cit.*, h. 49

<sup>112</sup> Lah Husny (t.t), *Lintasan Sejarah Peradaban Suku-Suku Sumatera Timur*, *op. cit.*, h. 28

<sup>113</sup> *Ibid*

<sup>114</sup> Zakariya Ahmad (t.t), *op. cit.*, h. 63

- b. Menyebarluaskan misi agama Islam ke daerah pendalaman (Batak, Karo) dan lain-lain.
- c. Memperluaskan lagi daerah kekuasaan serta jajahan Aceh ke daerah-daerah pendalaman Sumatera.<sup>115</sup>

Setelah tugas ini selesai dilaksanakan, maka Sultan Iskandar Muda mengutus kembali Gocah Pahlawan sebagai panglima perang untuk menundukkan negeri-negeri seberang selat seperti Johor, Pahang, Kedah dan Pattani. Dalam *expedisi* ini pasukan Aceh berhasil menundukkan lawannya dan menakluk sebahagian besar daripada negeri-negeri tersebut, iaitu dengan membayar ufti kepada kerajaan Aceh.<sup>116</sup>

Dalam kemenangan ini Gocah Pahlawan disambut dengan meriah oleh keluarga istana, akan tetapi setibanya di Darussalam Aceh, kemeriahan ini berubah menjadi satu kekecohan, apabila Gocah Pahlawan meminta kepada sultan selaku pemegang tampuk adat dan agama, agar menegakkan keadilan dengan menjatuhkan hukuman mati terhadap anaknya Meurah Peupo yang telah berbuat keji dengan isteri beliau, iaitu semasa beliau bertarung nyawa di medan pertempuran. Sementara Gocah Pahlawan sendiri telah menjatuhkan hukuman mati terhadap isterinya kerana perbuatan keji tersebut.<sup>117</sup>

---

<sup>115</sup> MUI (1982), *op. cit.*, h. 93

<sup>116</sup> Lah Husny (t.t), *Lintasan Sejarah Peradaban Suku-Suku Sumatera Timur*, *op. cit.*, h. 37

<sup>117</sup> *Ibid*

Peristiwa yang memalukan ini merupakan satu tamparan yang hebat terhadap keluarga Sultan Iskandar Muda dan Gocah Pahlawan sendiri. Oleh kerana sultan belum lagi menjatuhkan hukuman kepada puteranya, akhirnya Gocah Pahlawan mengambil keputusan untuk menetap di daerah bekas Haru sebagai ketua daerah tersebut yang berdiri sendiri dan beliau telah bersumpah tidak akan kembali ke negeri Aceh sebelum sultan melaksanakan hukuman bunuh terhadap puteranya.

Setelah peristiwa ini berlaku Gocah Pahlawan masih meneruskan tugasnya untuk memimpin daerah bekas kerajaan Haru tersebut. Beliau lebih mengintensifkan tugasnya bagi memperkuatkan kedudukannya terutama di bidang pemerintahan, memperkuatkan adat serta mengembangkan dakwah Islam ke seluruh daerah serta mengadakan *asimilasi* antara penduduk Deli sehingga menjadi satu kesatuan masyarakat hukum yang *homogen* atau bersifat kebersamaan, iaitu masyarakat Deli dalam pengertian yang luas.<sup>118</sup>

Walaupun Gocah Pahlawan telah menjadi seorang penguasa penuh di daerah ini, namun beliau masih mengakui kedaulatan Aceh dan menyatakan taat setianya kepada sultan Iskandar Muda. Pihak Sultan Aceh sangat berpuas hati mendengar ikrar tersebut, lalu kerajaan Aceh mengiktiraf kedaulatan Kerajaan

---

<sup>118</sup> *Ibid*

Deli serta mengikrarkan bahawa yang memerintah Deli mestilah zuriat keturunan Gocah Pahlawan. Gocah Pahlawan sendiri diberi gelar Panglima Perkasa Alam.<sup>119</sup>

Dalam menjalankan tugasnya sebagai ketua pemerintahan, Gocah Pahlawan dibantu oleh puteranya Panglima Perunggit. Setelah Gocah Pahlawan wafat, maka panglima Perunggit merupakan pengganti beliau untuk memimpin Kerajaan Deli dengan gelaran Kejeruan Padang. Apabila Gocah Pahlawan wafat maka Panglima Perunggit dinobatkan menjadi raja.

Pada masa pemerintahan Panglima Perunggit, Kerajaan Deli mendapat ancaman dari raja Karau (Karo) yang berkuasa di daerah pedalaman Sumatera Utara, akan tetapi dengan tegas Panglima Perunggit membalaas ancaman ini dengan mengirim pasukan berkudanya ke daerah tersebut dan akhirnya berjaya menakluk kerajaan Karau tersebut sehingga Raja Karo kembali tunduk terhadap pemerintahan Deli.<sup>120</sup>

Sementara itu menjadikan Kerajaan Aceh selepas kemangkatan Sultan Iskandar Tsani, kelihatan semakin lemah, ditambah lagi apabila kerajaan Aceh diperintah oleh raja-raja perempuan, bermula dari pemerintahan Ratu Tajul Alam Shafiatuddin Syah sehingga kepada Sultanah Inayat Syah.<sup>121</sup> Kerana berasa

<sup>119</sup> Wawancara Dengan Bapak Drs. Hj. Tantawi; Setia Usaha Majelis Budaya Melayu Indonesia, Medan: 3 September 2000, Di Rumah Kediaman Beliau Di Perumnas Mandala Medan.

<sup>120</sup> Lukman Sinar SH (1991), *Sedjarah Medan Tempoe Doeloe*, op. cit, h. 23

<sup>121</sup> *Ibid*, h. 24

enggan tunduk kepada raja perempuan tersebut, akhirnya panglima Perunggit bermuafakat dengan kepala-kepala suku di daerah jajahan Deli agar dapat melepaskan diri dari kerajaan Aceh.

Pada tahun 1669 M, kerajaan Deli telah mengisyiharkan kemerdekaannya dari Aceh dengan memohon bantuan kepada pemerintah Belanda di Betawi dan dengan keizinan daripada Gabenor Jeneral Belanda Balthasar Bort di Melaka.<sup>122</sup> Walaupun demikian, Aceh masih berusaha mempertahankan supaya kerajaan Deli tetap berada di bawah kekuasaannya dengan mengadakan perbincangan dengan pemerintah Deli. Dalam perbincangan ini, kedua belah pihak telah bersetuju dengan beberapa ketetapan seperti berikut:<sup>123</sup>

1. Deli merupakan sebuah kerajaan yang berautonomi penuh dengan sempadan daerah Sungai Mencirim di Utara dan Sungai Padang di Selatan.
2. Deli mengakui kedaulatan serta perlindungan Aceh ke atas kerajaan Deli.
3. Raja Deli panglima Perunggit menjadi wakil Aceh berkuasa penuh dari sultan Aceh di wilayah Sumatera Timur dengan gelaran Kejuruan Pedang.

---

<sup>122</sup> *Ibid*

<sup>123</sup> Lah Husny (t.t), *Lintasan Sejarah Peradaban Melayu Sumatera Timur*, op. cit, h. 48

4. Kerajaan Deli setiap tahun hendaklah menghantar bunga Mas kepada sultan sebagai persembahan dan hadiah kesetiaan Deli terhadap kerajaan Aceh.
5. Kereajaan Aceh akan segera memberi bantuan secara langsung jika Deli mendapat serangan dari mana-mana pihak.

Menjelang penghujung kurun ke-17, iaitu tahun 1698 M, panglima Perunggit wafat dan digantikan oleh anaknya Panglima Paderap. Sekitar kurun ke-18, Kerajaan Deli bukan hanya menjadi perhatian bagi Aceh sahaja tetapi juga menjadi perhatian Kerajaan Johor dan Siak. Demi untuk menjaga kestabilan negerinya, kesultanan Deli terpaksa mengambil keputusan jalan tengah dengan mematuhi kehendak kedua belah pihak, iaitu Aceh dan Siak. Oleh kerana demikian maka, dijulukilah bahawa kerajaan Deli sebagai “*beraja di Aceh dan bertuan ke Siak*”<sup>124</sup>

### **2.1.2. (a). Struktur Pemerintahan Deli**

Dalam menjalankan pentadbiran pemerintahan dalam Kerajaan Deli terdapat beberapa *struktur* yang kukuh yang saling bantu membantu dalam menjalankan pemerintahan dalam wilayah Kesultanan tersebut. Adapun *struktur* tersebut adalah seperti berikut:

---

<sup>124</sup> *Ibid.* h. 49

1. Sultan sebagai pimpinan tertinggi dan dibantu oleh para pembesar istana.
2. Datuk/ Kejeruan/ Pangeran.
3. Penghulu/ Kepala Kampung
4. Rakyat biasa.<sup>125</sup>

Rakyat sebagai tingkat yang paling rendah berada di dalam kawasan kampung yang diketuai oleh seorang penghulu atau ketua kampung. Setiap kampung adalah termasuk dalam pemerintahan salah satu kawasan yang dikuasai oleh seorang datuk atau kejeruan. Oleh kerana itu rakyat harus patuh terhadap penghulu dan penghulu pula mesti tunduk dengan datuk atau kejeruan.

Para datuk atau kejeruan memerintah di luhaknya (kawasan) atas nama raja atau pangeran, sebagai penguasa tertinggi di daerah itu dan memegang tampuk pemerintahan dan pentadbiran. Sementara kedudukan sultan adalah sebagai pusat dalam pemerintahan, di samping itu sultan juga sebagai pengetua agama dan adat istiadat di wilayah kerajaannya.

Pada zaman penjajahan Belanda wilayah Kerajaan Deli dibahagikan kepada tiga wilayah penting seperti berikut:<sup>126</sup>

---

<sup>125</sup> Dokumen Lama Dijumpai Perpustakaan Wilayah Medan (t.t), Di Hadapan Istana Maimon Medan, h. 108

<sup>126</sup> Lukman Sinar (1991), *Sedjarah Medan Tempo Doeoe*, op. cit, h. 68

1. Wilayah Deli asli (Sultan Gebied), iaitu dari pesisiran pantai di sekitar kiri dan kanan sungai Deli hingga ke Medan yang didiami oleh suku bangsa Melayu. Wilayah ini diperintah oleh sultan secara langsung, kadangkala melalui pamongpraja (wakil sultan) yang bergelar raja muda, bendahara, temenggung atau laksamana.
2. Wilayah-wilayah urung (negeri) dari Datuk Berempat Suku, iaitu XII Kota Hamparan Perak, Serbanyaman (Sunggal), Sukapiring dan Patumbak (Sanembah Deli). Di sebelah pesisiran pantai urung tersebut didiami oleh penduduk Melayu dan bahagian hulu sudah mulai dihuni oleh penduduk suku bangsa Karo.
3. Wilayah-wilayah negeri jajahan dan takluk Deli, iaitu Percut, Bedagai dan Padang.

Tiap-tiap negeri atau urung mempunyai raja sendiri secara turun temurun dengan berbagai macam gelaran. Semua raja tersebut adalah sebagai orang besar bagi kerajaan Deli. Sedangkan wazir yang berhak mengangkat dan menurunkan sultan dari takhta adalah Datuk Berempat Suku sahaja, kerana mereka adalah merupakan orang-orang besar Kerajaan Deli.<sup>127</sup>

Sistem seperti ini adalah merupakan satu muslihat Belanda untuk mengurangkan kekuasaan sultan dan melemahkan kedudukannya di wilayah Deli. Dengan demikian mudahlah baginya untuk memperdaya raja-raja kecil yang

---

<sup>127</sup> Ibid

berada di bawah kekuasaan sultan dan akhirnya memecah-belahkan hubungannya dengan sultan.

Lama-kelamaan kekuasaan sultan semakin sempit, kerana para pembesar setiap daerah yang dahulunya merupakan orang-orang kanan sultan telah diperkecilkan peranannya sehingga yang berkuasa hanyalah sultan seorang sahaja. Bahkan ada di antara jawatan-jawatan yang penting di dalam kerajaan Deli telah dihapuskan oleh Belanda setelah kematian pemegang jawatan tersebut dan tidak akan dilantik sesiapa yang menjadi penggantinya, samada dari anaknya sendiri ataupun dari keturunan yang lain.

Antara raja-raja yang pernah memerintah kerajaan Melayu Deli adalah sebagai berikut:

- |   |           |
|---|-----------|
| 1. Tuanku Gocah Pahlawan                  | 1632-1669 |
| 2. Tuanku Panglima Perunggit              | 1669-1698 |
| 3. Tuanku Panglima Paderap                | 1698-1728 |
| 4. Tuanku Panglima Pasutan                | 1728-1761 |
| 5. Tuanku Panglima Gandar Wahid           | 1761-1805 |
| 6. Sultan Panglima Amaludin Mangedar Alam | 1805-1850 |
| 7. Sultan Usman Perkasa Alam              | 1850-1858 |
| 8. Sultan Mahmud Perkasa Alam             | 1858-1873 |
| 9. Sultan Maamun al-Rasyid                | 1873-1924 |

10. Sultan Amaludin Tsani Perkasa Alam	1924-1945
11. Sultan Usman Tsani	1945-1967
12. Sultan Azmi Perkasa Alam	1967-1998
13. Tengku Otteman Mahmud Perkasa Alam	1998-(sekarang). <sup>128</sup>

Selepas pemerintahan Sultan Usman Tsani Perkasa Alam, kedudukan Sultan Deli tidak lagi befungsi sebagai ketua pemerintahan, tetapi hanya sebagai sultan dalam kedudukan adat sahaja. Di antara adat istiadat yang masih dilaksanakan di istana ini adalah sambutan hari raya ‘Aidil Fitri, acara adat sembah sultan, acara adat perkahwinan dan acara pertabalan sultan.<sup>129</sup>

Pada zaman pemerintahan Panglima Paderap, daerah Kesultanan Deli dibahagikan kepada empat bahagian yang masing-masing dipimpin oleh anak-anak beliau sendiri. Adapun pembahagian daerah-daerah tersebut adalah sebagai berikut:<sup>130</sup>

1. Daerah Mabar serta kawasan Percut Sungai Tuan, dipimpin oleh Tuanku Jalaluddin dengan gelar Kejuruan Metar.
2. Daerah Bedagai, dipimpin oleh Tuanku Panglima Pasutan (Gandar Wahid) dengan gelar Kejuruan Padang.

---

<sup>128</sup> Wawancara Dengan Bapak Jimi, Pegawai Istana Maimon Medan, Pada 27 Februari 2002, Di Istana Maimon.

<sup>129</sup> *Ibid*

<sup>130</sup> *Ibid*

3. Daerah Pulau Berayan, dipimpin oleh Tuanku Tawar dengan gelar Kejuruan Sutan.
4. Daerah Serdang dan Sungai Tuan, dipimpin oleh Tuanku Umar dengan gelar Kejuruan Junjungan.

Pada tahun 1728 Panglima Paderap wafat, lalu tampuk pemerintahan diwariskan kepada anaknya Tuanku panglima Pasutan (Kejuruan Padang), sementara anak-anaknya yang lain masing-masing mempunyai daerah pemerintahan yang *berotonomi* sendiri di bahagian Deli.<sup>131</sup> Oleh kerana putera keduanya telah menaiki takhta, maka terjadilah perebutan kuasa di antara empat orang puteranya. Sebenarnya yang berhak menjadi raja adalah Tuanku Umar, kerana ibundanya adalah seorang permaisuri yang bernama Tuanku Puan Sampali. Tapi sebaliknya Tuanku Umar beserta ibundanya diusir ke Serdang.

Pertelagahan ini berakhir setelah adanya tekanan dari Belanda yang memaksa mereka untuk berdamai di bawah pengawasan Belanda sendiri.<sup>132</sup> Sementara itu Kerajaan Siak semakin *mengintensifkan* kekuasaannya di Deli. Raja yang *berotonomi* diberi gelar langsung oleh Siak. Sementara raja Deli yang sebelumnya hanya bergelar panglima, oleh Siak ditukar menjadi sultan. Gelaran ini pertama sekali diberikan kepada Tuanku Amaludin I dengan gelaran Sultan

---

<sup>131</sup> Lukman Sinar (1991), *Sedjarah Medan Tempo Doeoe*, op. cit,h. 51

<sup>132</sup> *Ibid*, h. 25

Amaludin Panglima Magedar Alam. Gelaran ini adalah sebagai anugerah Sultan Siak dengan akta sahifah angkatan 18 Maret 1814.<sup>133</sup>

Pada tahun 1858 Sultan Siak mendapat tekanan dari Belanda, sehingga dipaksa menandatangani surat perjanjian politik kontrak panjang yang mengandungi 36 pasal yang semata-mata hanya menguntungkan pihak Belanda. Dalam perjanjian ini, seluruh wilayah jajahan Siak di Sumatera Timur dari Tamiang sampai Pasir Putih (Rokan) adalah menjadi jajahan takluk Belanda berdasarkan kontrak politik dengan Siak Sri Indera Pura yang disebut dengan Traktat Siak 1 Februari 1858.<sup>134</sup>

Untuk memperkuatkan lagi kekuasaanya, pada 2 ogos 1862 Belanda mengunjungi Kerajaan Deli di bawah pimpinan E. Netscher selaku residen Riau dan Arnold asisten residen Siak dengan diiringi oleh pembesar-pembesar Siak.<sup>135</sup> Dalam rombongan itu Netscher memasuki kuala Sungai Deli dan disambut oleh Sultan Deli Sultan Mahmud Perkasa Alam yang lengkap dengan lencang kuning. Sultan menjelaskan kepada rombongan tersebut bahawa Deli tidak bersangkut paut lagi dengan Siak. Beliau ditabalkan menjadi Sultan Deli pada tahun 1857 dengan menggantikan ayahandanya Sultan Usman I.<sup>136</sup>

---

<sup>133</sup> Meuraxa (1973), *Sejarah Kebudayaan Suku-Suku Di Sumatera Utara*, op. cit, h. 99

<sup>134</sup> Lah Husny (t.t), *Lintasan Sejarah Peradaban Suku-Suku Sumatera Timur*, op. cit, h. 55

<sup>135</sup> Anthony Reid (1968), *The Contest For North Sumatera: 1858-1898*, Kuala Lumpur: Oxford University Press/University Of Malaya Press, h. 9

<sup>136</sup> Timbul Sir (1980), op. cit, h. 41

Walau bagaimanapun, keterangan telahpun diberikan oleh Sultan Mahmud, namun Belanda tetap berusaha untuk memujuk sultan supaya pengaruh Siak terhadap kerajaan tersebut tidak dihilangkan begitu sahaja, bahkan Deli seharusnya bersama-sama dengan Siak bernaung di bawah Kerajaan Belanda dan ini adalah merupakan politik Belanda yang ingin menguasai kerajaan Deli, kerana pada masa itu kerajaan Deli sangat masyhur dengan pembukaan ladang-ladang getah dan tembakau, sehingga Deli menjadi tumpuan saudagar asing untuk melabur modal.

Pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud ia merupakan zaman kegemilangan dan perluasan kekuasaan Deli. Beliaulah yang pertama sekali membuat perjanjian dengan Belanda yang dikenali dengan *Acte Van Verband*. Perjanjian ini beliau tanda tangani sendiri yang dilengkapi dengan chop mohornya pada tanggal 22 Ogos 1862.<sup>137</sup>

Setelah perjanjian ini termeterai kemajuan tanah Deli semakin pesat. Banyak perusahaan asing yang ingin membuka hubungan dengan pemerintahan Kerajaan Deli yang tekenal dengan perkebunan tembakau dan getah sehingga negeri ini digelar sebagai negeri Dollar. Oleh kerana banyak saudagar-saudagar asing yang melaburkan modal di tanah Deli.

Pada tahun 1872, Sultan Mahmud wafat dan digantikan oleh putera beliau Sultan Maamun al-Rasyid Perkasa Alam yang mana ketika itu masih terlalu

---

<sup>137</sup> Meuraxa, *op. cit*, h. 150

muda. Oleh kerana beliau masih dibawah umur, maka beliau diwakili oleh Raja Muda Sulaiman dan Tengku Sulong dalam mentadbir pemerintahannya. Dalam usia 18 tahun, barulah Maamun al-Rasyid ditabalkan di Bengkalis. Setelah pertabalan ini, secara rasminya beliau menjadi Sultan Deli yang berdaulat tanpa diwakili lagi oleh Raja Muda Sulaiman mahupun Tengku Sulong.<sup>138</sup>

Dalam upacara pertabalan tersebut, telah terjadi perselisihan faham di antara Belanda dengan Sultan Siak, kerana Sultan Siak menghendaki agar pertabalannya haruslah dengan keizinan Sultan Siak dan beliu pula yang memberikan chop kerajaan sebagaimana yang berlaku dahulunya, akan tetapi kehendak sultan ini disanggah oleh Residen Netscher dengan alasan keadaan situasi telah berubah semenjak jatuhnya Siak ke tangan Belanda. Akhirnya, kehadiran Sultan Siak pada waktu itu hanya bersifat sebagai saksi sahaja.<sup>139</sup>

Hubungan Belanda dengan Kesultanan Deli semakin akrab sehingga banyak pembaharuan yang dilaksanakan di Deli, termasuk perjanjian *Acte Van Verband* dengan Sultan Mahmud diubah kembali dengan menambahkan beberapa fasa baru ke dalamnya. Perubahan ini ditandatangani oleh Sultan Maamun al-Rasyid. Untuk pertama kalinya diadakan penggolongan penduduk, ada yang di bawah naungan sultan dan ada pula yang di bawah naungan Belanda. Bahagian undang-undang

---

<sup>138</sup> *Ibid*

<sup>139</sup> Lukman Sinar (1986), *Sari Sejarah Serdang*, op. cit, h. 35

dibentuk lembaga hukum mahkamah kerapatan untuk Kawula Swapraja (pemerintahan) dan *Road Van Justiti* untuk rakyat biasa.<sup>140</sup>

Pada masa pemerintahan Maamun al-Rasyid, juga telah terjadi proses pemindahan ibu negeri Kesultanan Deli ke Medan, yang mana sebelumnya berada di Labuhan Deli. Di sini beliau mendirikan istana Maimon, iaitu dalam tahun 1888.<sup>141</sup> Setelah tinggal beberapa lama di istana ini beliau mendirikan Masjid Raya al-Mansun yang berhampiran dengan istana Maimon. Sekarang ini kedua-duanya masih tetap berdiri dengan megahnya, sebagai warisan tamadun Melayu dan Islam. Kedua-duanya juga merupakan lambang kegemilangan Islam di Indonesia serta sebagai lambang perpaduan antara pemerintahan dan agama.

Sesudah wafatnya Maamun al-Rasyid, hubungan Deli dengan Belanda tetap terjalin dengan baik hingga pengistiharan kemerdekaan Republik Indonesia pada 17 Ogos 1945. Dengan tertubuhnya Negara tersebut, maka berakhirlah pemerintahan Kesultanan Deli tanpa adanya penentuan dari pemerintahan sama ada ianya dihapuskan atau tidak. Namun demikian gelaran-gelaran kehormatan masih dilakukan terhadap pewaris kesultanan hingga ke hari ini walaupun hanya berbentuk *formality* sahaja.

---

<sup>140</sup> Timbul Sir (1980), *op. cit.* h. 50

<sup>141</sup> *Ibid.* h. 100

## **2.1.2. (b). Sistem Pemerintahan Kerajaan Deli**

Pada dasarnya sistem kerajaan Deli tidak jauh berbeza dengan sistem kerajaan Haru yang merupakan asal-usul daripada kerajaan Deli. Sebagaimana telah diterangkan sebelumnya bahawa kerajaan Haru telah mengamalkan sistem *konfederasi*, iaitu sistem pertabalan raja yang paling tua dari seluruh kerajaan sebagai pusat pemerintahan yang diberi gelaran Pandewa Lima. Sementara raja-raja yang lain tunduk dibawah pemerintahannya. Tetapi kadang-kadang terjadi pula perbalahan di antara mereka kerana saling menginginkan jawatan Pandewa Lima tersebut.

Seperti halnya yang berlaku di antara Muhayazid Syah raja Wampu dengan Merah Silau raja Haru Silau, sebenarnya yang berhak menjadi Pandewa Lima adalah Merah Silau yang menggantikan kepimpinan Maharaja Diraja, iaitu ayahanda kepada Muhayazid Syah yang terbunuh dalam satu serangan yang dilancarkan oleh Aceh terhadap negerinya, akan tetapi Muhayazid Syah inginkan jawatan tersebut diserahkan kepadanya agar beliau dapat membala dendam terhadap kerajaan Aceh yang telah mengkhianati ayahandanya.<sup>142</sup>

Sistem pelantikan Pandewa Lima seperti ini tidak lagi terapat di dalam sistem kerajaan Deli, namun dari satu sudut ada persamaannya dengan sistem tersebut. Di mana sistem kesultanan Deli sangat berbeza dengan sistem kesultanan lain yang terdapat di Sumatera Timur ketika itu. Dalam sistem

---

<sup>142</sup> *Ibid*, h. 25

pemerintahannya kedudukan Deli pada umumnya terdiri daripada empat urung atau negeri iaitu:<sup>143</sup>

- 1) Urung Serbanyaman
- 2) Urung XII Kuta
- 3) Urung Sukapiring
- 4) Urung Sanembah Deli

Keempat-empat urung atau negeri ini masing-masing diperintah oleh ketua urungnya yang dikenali dengan Datuk Empat Suku. Ketua urung atau Datuk Empat Suku tersebut adalah:

Ketua Urung Serbanyaman	(Datuk Sunggal)
Ketua Urung XII Kuta	(Datuk Hamparan Perak/Datuk Setia)
Ketua Urung Suka Piring	(Datuk Kampung Baru)
Ketua Urung Senembah Deli	(Datuk Patumbak) <sup>144</sup>

Pada dasarnya kedudukan Datuk Berempat Suku ini adalah sebagai raja dari kerajaan-kerajaan kecil yang termasuk di dalam kekuasaan kerajaan Haru. Pada mulanya, hubungan Datuk Berempat Suku dengan Kerajaan Deli yang selalu bermusuhan, kerana setelah kehancuran Haru dalam tahun 1608 M, Gocah Pahlawan sebagai wakil Aceh di daerah itu telah menguasainya dan mendirikan

<sup>143</sup> Meuraxa (1973), *Sejarah Kebudayaan Suku-Suku Di Sumatera Utara*, op. cit, h. 77

<sup>144</sup> Wawancara Dengan Bapak Drs. Hj. Tantawi Pada 3-9-2000, op. cit

kerajaan Deli. Oleh kerana itu, mereka menganggap kerajaan Deli sebagai musuh seperti halnya kerajaan Aceh.<sup>145</sup>

Hubungan di antara kedua belah pihak baru pulih setelah Gocah Pahlawan mengahwini Nang Buluan, iaitu puteri Datuk Sunggal, sedangkan Datuk Sunggal pula mempunyai hubungan persaudaraan dengan kerajaan-kerajaan yang ada di persekitaran Haru. Oleh kerana Gocah Pahlawan telah menjadi anak beru (menantu) kepada Datuk Sunggal, maka secara tidak langsung ia juga telah mempunyai hubungan saudara dengan raja-raja yang lain dan akhirnya hubungan mereka kembali damai.<sup>146</sup>

Pada mulanya wilayah kerajaan Deli itu tidak begitu luas, iaitu hanya dari Deli Tua sampai ke Labuhan Deli sekarang dan lebarnya pula dari Sungai Sikambing sampai ke Percut Sungai Tuan. Setelah hubungan antara Deli dengan bekas anggota *konfederasi* kerajaan Haru pulih, maka Gocah Pahlawan berusaha keras supaya dapat menundukkan kerajaan-kerajaan kecil tersebut untuk memperluaskan lagi kekuasaannya. Dengan demikian, wilayah Deli semakin luas dan kedudukannya semakin kuat.<sup>147</sup>

Kerana tidak puas hati terhadap sikap Kesultanan Deli yang bekerja sama dengan Belanda untuk membuka perkebunan tembakau di tanah Deli termasuk

---

<sup>145</sup> *Ibid*

<sup>146</sup> Adamansyah (t.t), *Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur*, op. cit, h. 151

<sup>147</sup> *Ibid*, h. 152

wilayah Datuk Berempat Suku, maka rakyat Sunggal mengadakan pemberontakan secara besar-besaran terhadap Deli. Dalam pemberontakan ini Deli yang dibantu oleh Belanda merasa tidak sanggup untuk menghadapi Sunggal, akhirnya diadakan rundingan dengan para Datuk. Sejak itu barulah kedudukan mereka mulai dihargai oleh Deli. Untuk memudahkan segala urusan maka didirikanlah suatu lembaga yang dikenali sebagai “Datuk Empat Suku”.<sup>148</sup>

Perbezaan di antara pemeritahan Deli dengan Haru adalah dari sudut sistem perlantikan sultan, di mana perlantikan raja-raja Haru adalah berdasarkan kepada perlantikan raja tertua sebagai ketua bagi raja-raja yang lain tanpa mengambil kira dari kerajaan mana asal-usulnya. Dalam sistem kerajaan Deli pula, Datuk Empat Suku mempunyai peranan keatas pengangkatan dan pemecatan sultan jika tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan untuk menjadi sultan.<sup>149</sup> Namun, sultan yang dirajakan bukanlah dari Datuk Empat Suku, tetapi adalah dari keluarga istana sendiri.

Tinjauan dari sudut politik pula, pada mulanya kempat-empat urung (negeri) inilah yang mempunyai pengaruh di daerah Deli. Pada mulanya, wilayah urung tersebut masing-msiang belum mempunyai *organisasi* pemerintahan serta sistem kemasyarakatan secara hukum, bermula dari atas sehingga kepada tingkatan yang terendah iaitu kuta atau kampung. Di dalam sistem pemerintahan, mereka hanya lebih banyak merupakan ketua suku atau ketua keluarga besar yang

---

<sup>148</sup> Wawancara Dengan Bapak Hj. Tantawi Pada 3-9-2000, *op. cit*

<sup>149</sup> Meuraxa (1973), *Sejarah Kebudayaan Suku-Suku Di Sumatera Utara*, *op. cit.* h. 77

dipanggil Sibayak, Raja atau Orang Kaya. Di mana *hierarki* pemerintahan belum lagi berjalan sebagai *organisasi* yang wajar seperti sekarang ini.<sup>150</sup>

Pada umumnya, wilayah pemerintahan kerajaan Deli terbahagi kepada dua kawasan penting, iaitu kawasan Melayu dan kawasan Karo. Kawasan Melayu iaitu kawasan yang terletak di daerah pinggiran pantai. Pada umumnya kawasan ini didiami oleh *majoriti* suku bangsa Melayu, sementara kawasan Karo pula yang terletak di bahagian dusun dan daerah pergunungan serta daerah-daerah pedalaman Sumatera Utara. Kawasan ini biasanya didiami oleh puak-puak Karo yang masih belum memeluk agama Islam.

### **2.1.2. (c). Letak Dan Kedudukan Kerajaan Melayu Deli**

Secara *geografi* kerajaan Melayu Deli terletak dibahagian Timur pulau Sumatera. Oleh kerana itu penduduk daerah ini dikenali sebagai suku Melayu pesisir Sumatera Timur. Berdasarkan kepada bekas wilayah Haru, maka wilayahnya meliputi daerah Tamiang (Acheh Timur) hingga Ujung Batu Rokan (Propinsi Riau).<sup>151</sup> Daerahnya memanjang dari dataran pantai ke Barat hingga sampai ke dataran berbukit mulai dari Kabupaten Acheh Tamiang, Langkat, Deli Serdang, Asahan dan Labuhan Batu sepanjang 280 KM dan lebar datarannya

---

<sup>150</sup> Lah Husny (t.t), *Lintasan Sejarah Peradaban Suku-Suku Sumatera Timur*, op. cit.h. 39

<sup>151</sup> Lukman Sinar (1991), *Sedjarah Medan Tempo Doeloe*, TP, h. 4

sebelah Utara rata-rata adalah 30 KM dan lebar dataran sebelah Selatan 100 KM.<sup>152</sup>

Atau dengan pengertian lain bahagian Utara kerajaan Deli atau Haru bersempadan dengan daerah Tamiang, sebelah Barat dengan Barumun (Tapanuli Selatan), sebelah selatan dengan Tanah Putih (Rokan-Riau) dan sebelah Timur pula bersempadan dengan selat Melaka.<sup>153</sup> Kerana kedudukan *geografik* yang sangat *strategic* menjadikan daerah ini semakin ramai dikunjungi oleh pedagang luar negeri, terutamanya negeri-negeri Asia Barat. Kedatangan mereka disamping membawa harta perniagaan juga mengembangkan dakwah Islamiah ke daerah tersebut.

Selain demikian, kedudukannya yang dianggap *strategic* adalah kerana Kerajaan Melayu Deli terletak di tengah-tengah beberapa buah kerajaan besar seperti Kerajaan Aceh, Kerajaan Siak dan Kerajaan Melaka. Faktor-faktor tersebut adalah sebagai penyebab utama yang menjadikan Kerajaan Deli sebagai medan terpenting bagi menghubungkan di antara beberapa kerajaan-kerajaan besar di Asia Tenggara mahupun dalam hubungan antarabangsa.

Oleh sebab itu kerajaan Deli selalu terlibat dalam perperangan melawan *hegemoni* dan *dominasi* Aceh yang sentiasa memaksa Kerajaan Deli untuk tunduk di bawah takluknya. Hal ini berlaku kerana dalam misi perluasan

---

<sup>152</sup> TM. Lah Husny (t.t), *op. cit*, h. 25

<sup>153</sup> Admansyah (t.t), *op. cit*, h. 20

daerahnya Aceh terpaksa menyeberangi Deli untuk sampai kemana-mana destinasi. Apabila kerajaan Deli telah berhasil ditakluki, maka dengan mudah Aceh dapat memperluas daerahnya sampai ke pendalaman Sumatera.

## 2.2. ASAL USUL MASYARAKAT MELAYU DELI

Masyarakat Melayu Deli atau suku Melayu Pesisir Sumatera Timur adalah merupakan sekumpulan suku bangsa Melayu yang mendiami wilayah Sumatera Timur. Ada pendapat yang mengatakan bahawa suku ini adalah sebagai golongan pendatang yang baru ke daerah Sumatera Utara dan ada pula yang mengatakan bahawa etnis ini adalah berasal dari suku Karo dan sebagainya. Walau bagaimanpun pendapat ini tidaklah begitu kuat kerana ia tidak disokong oleh bukti-bukti yang kukuh.

Negeri Deli yang terletak di daerah pesisir pantai Sumatera Utara, berdasarkan penemuan-penemuan yang diperolehi, bahawa daerah ini telah mempunyai penduduk purba sebagai penghuni awal yang mana kehidupannya sangat berbeza dengan taraf kehidupan manusia yang ada sekarang ini. Dari hasil penelitian yang telah dilakukan terdapat sisa-sisa pra-sejarah yang membezikan petunjuk bahawa kebudayaan telah wujud di daerah ini sejak ribuan tahun silam.

Menurut penyelidikan *Antropologis*, penduduk yang mendiami pulau ini adalah dari ras *Negrito* dan ras Melayu. Ras *Negrito* telah mendiami daerah ini

sejak dari zaman *Mesolithicum* (Batu Pertengahan). Sebagai bukti bahawa ras ini telah meninggalkan kebudayaan Bukit Kerang yang ditemui di sepanjang 120 KM di pantai Sumatera Timur dari Medan sampai ke Besitang. Ras ini masih terikat dengan kepercayaan *Animisme*. Kehidupan mereka selalu berpindah-pindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Dengan datangnya ras Melayu ke daerah ini, maka ras *Negrito* melarikan diri ke daerah pedalaman.<sup>154</sup>

Kebudayaan Bukit Kerang ini dibuktikan dengan penemuan beberapa alat serta jenis kebudayaan lain yang pernah dimiliki dan dipergunakan oleh manusia yang hidup pada satu zaman tertentu. Contoh alat kebudayaan tersebut ialah kapak genggam Sumatra atau *Sumatera Lith*, iaitu sejenis kapak yang bermata atau tajam sebelah dan sejenis tengkorak manusia. Menurut penelitian jenis tengkorak ini sama dengan jenis tengkorak orang *Melanosoid*, iaitu satu golongan yang berasal dari *Hoa Bin* di China.<sup>155</sup>

Sebagaimana yang telah diketahui bahawa suku Melayu Pesisir Sumatera Timur adalah berasal daripada rakyat Haru, iaitu berasal dari golongan Melayu Muda (*Deutero Malay*) yang datang dari Hindia Belakang. Golongan ini juga telah dianggarkan sudah datang ke kepulauan Nusantara sekitar tahun 300 SM sehingga memasuki tahun Masihi, iaitu pada penghujung zaman Batu Akhir (*Late Neolithic*) dan juga pada permulaan zaman Gangsa (*Early Bronze-Age*), kira-kira

---

<sup>154</sup> *Almanak Sumatera* (t.t), Medan: PANTRA- Komando Antar Daerah Sumatera Utara, h. 141

<sup>155</sup> Tengku Admansyah (t.t), *Peranan Budaya Melayu Sebagai Sub Kultur Kebudayaan Nasional*, *op. cit*, h. 16

2000 tahun setelah penghijrahan orang-orang Melayu Purba (*Proto Malay*) antara 3000 sampai 2000 SM.<sup>156</sup>

Sejak kedatangan orang-orang Melayu Muda sekitar 1500-300 SM, maka sebahagian besar golongan Melayu Purba berpindah ke daerah pergunungan, sementara yang lain pula ada yang bercampur baur dengan golongan pendatang baru atau Melayu Muda. Pada permulaannya, orang-orang Melayu Muda lebih suka mendiami daerah pinggiran pantai atau muara sungai dan oleh sebab itu golongan itu dinamakan sebagai suku Melayu Pesisir.<sup>157</sup> Menurut ahli *Antropologi* dan para sejarawan, orang Melayu Muda ini adalah sebagai nenek moyang suku Melayu yang mendiami daerah-daerah pantai kepulauan Nusantara.

Sekitar tahun 220 SM datang pula suku bangsa dari Tiongkok Selatan (Yunan) dan menetap di daerah pesisir Sumatera Timur. Akhirnya, golongan ini mengadakan *asimilasi* dengan golongan Melayu Muda. Hasil dari percampuran ini maka lahirlah masyarakat Haru. Kehidupan mereka semakin lama semakin maju. Untuk mempertingkatkan lagi taraf hidup, mereka berusaha mengadakan peningkatan dalam bidang usaha pertanian dan perdagangan.<sup>158</sup>

---

<sup>156</sup> Senu Abdul Rahman et al (1971), *Revolusi Mental*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu, h. 33

<sup>157</sup> Senu Abdul Rahman et al (t.t), *op. cit.*

<sup>158</sup> Tengku Admansyah (t.t), *Peranan Budaya Melayu Sebagai Sub Kultur Kebudayaan Nasional*, *op. cit.*, h. 7

Sealain itu mereka telah mengadakan hubungan dagangan dengan negeri luar yang menjadikannya semakin maju dan kuat. Sekitar tahun 800 M, masyarakat ini sudah mendirikan sebuah kerajaan yang diberi nama dengan Haru (Aru). Kedudukan pemerintahan Haru yang pertama adalah dekat sungai Besitang iaitu di Kabupaten Langkat sekarang, iaitu sekitar 90 KM dari kota Medan.<sup>159</sup> Pada mulanya kerajaan ini hanya merupakan daerah kecil sahaja, tetapi lama kelamaan menjadi suatu kerajaan besar yang setanding dengan Kerajaan Pasai di Aceh.

Sekitar tahun 1024 M, pusat Kerajaan Haru mendapat serangan dari Kerajaan Cola Mandala dari India Selatan yang menyebabkan kedudukan Haru menjadi lemah. Akibat dari serangan inilah akhirnya sebahagian besar dari penduduk Haru melarikan diri ke berbagai daerah di Suantera Utara. Di antara mereka ada yang pergi ke daerah pergunungan Sumatera Timur, masyarakat ini disebut sebagai suku Karo dan ada pula yang menetap di pesisir Sumatera Timur. Setelah mereka memeluk agama Islam, maka masyarakat ini dikenali sebagai suku Melayu Pesisir Sumatera Timur.<sup>160</sup>

Dari beberapa huriahan di atas dapatlah difahami bahawa penduduk Melayu Sumatera Timur adalah terbahagi kepada dua golongan, iaitu penduduk asli tempatan yang berasal dari hasil percampuran antara golongan Melayu Muda dan

---

<sup>159</sup> *Ibid.*

<sup>160</sup> Admansyah (t.t), *Pernanan Budaya Melayu Sebagai Sub Kultur Kebudayaan Nasional*, op. cit, h. 18

Melayu Purba. Golongan yang pertama dikenali sebagai suku bangsa Melayu yang asal. Sementara golongan kedua adalah berasal pendatang yang bukan keturunan Melayu seperti Karo dan Batak yang menyatukan diri sebagai suku bangsa Melayu setelah mereka memeluk agama Islam.

Hal ini sejajar dengan beberapa kenyataan yang dipaparkan oleh para sarjana dalam *mendefenisikan* "Melayu" iaitu seseorang dikatakan Melayu apabila ia menganut agama Islam, bercakap dalam bahasa Melayu dan menurut adat-istiadat Melayu, iaitu "*adat bersendi hukum syarak, syarak bersendi Kitabullah*". Jika demikian maka penilaian terhadap Melayu adalah ethnics secara budaya dan bukan semestinya secara persamaan darah keturunan.<sup>161</sup>

---

<sup>161</sup> Tuanku Lukman Sinar Basyar Syah II (2002), "Jati Diri Melayu" Dalam Tuanku Lukman Sinar Basyar Syah II Dan Wan Syaifuddin . (ed), *Kebudayaan Melayu Sumatera Timur*, Medan: USU Press, h. 17